

13/03/1997

Selangor wajibkan pemaju tanam pokok

SHAH ALAM, Rabu - Semua pemaju perumahan di negeri ini disyaratkan menanam pokok di setiap kawasan projek masing-masing, sebagai sumbangan untuk mengekalkan kehijauan alam sekitar.

Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata kerajaan negeri mahu setiap pemaju memiliki tanggungjawab sosial untuk menanam sebanyak mungkin pokok di kawasan projek perumahan.

"Walaupun sebelum ini syarat seperti ini tidak ditetapkan, saya harap pemaju perumahan melaksanakannya dan menganggap usaha menanam pokok sebahagian daripada tanggungjawab sosial," katanya di majlis perjumpaan kakitangan kerajaan negeri di hadapan bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini hari ini.

Muhammad juga meminta orang ramai turut menanam pokok di sekitar kawasan rumah mereka sebagai sebahagian daripada usaha membantu meningkatkan kehijauan alam sekitar.

Beliau berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga tidak sepatutnya menganggap peraturan itu sebagai tanggungjawab yang berat tetapi mesti menjadikan aktiviti menanam pokok dan pengindahan sebagai hobi.

Menurutnya, kerajaan negeri juga mengeluarkan perbelanjaan berbilion ringgit dalam sektor perhutanan bagi mengekalkan kawasan hijau di Selangor.

Beliau juga menyokong saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar setiap rakyat Malaysia menanam pokok setiap tahun.

"Cadangan ini amat baik dan saya berharap orang ramai akan memulakan usaha menanam pokok dan tumbuh-tumbuhan di sekitar rumah mereka," katanya.

(END)